

NO SOALAN :78**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pengendali stesen minyak, kedai "convenience store" dan bank (melalui mesin ATM) dibenar mengenakan caj untuk tambah nilai kad "Touch n Go" sebanyak RM0.50 sedangkan terdapat kedai seperti farmasi "Guardian" dan syarikat lebuhraya yang tidak mengenakan caj tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj untuk tambah nilai kad

Touch 'n Go (TnG) adalah dikenakan oleh peniaga-peniaga, antara lain bagi tujuan menanggung kos yang terlibat dalam menyediakan kemudahan tambah nilai kepada pengguna-pengguna kad TnG. Terdapat juga peniaga-peniaga yang menanggung kos pengendalian tersebut dan tidak mengenakan sebarang caj tambah nilai kad TnG ke atas pelanggan-pelanggannya. Dalam hal ini, keputusan sama ada untuk mengenakan caj adalah mengikut penilaian dan budi bicara peniaga-peniaga berdasarkan strategi perniagaan masing-masing.

Institusi perbankan yang menawarkan perkhidmatan tambah nilai kad TnG melalui mesin ATM (*Automatic Teller Machine*) institusi perbankan, atau tambah nilai secara "*auto-reload*" sekiranya baki kad berada di bawah jumlah tertentu, kebiasaannya mengenakan caj minima bagi menampung kos untuk menyediakan kemudahan tambah nilai berkenaan. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa mengingatkan agar mereka memaparkan fi dan caj yang dikenakan di laman web atau paparan mesin ATM atau menyediakan maklumat fi dan caj berkenaan di cawangan-cawangan untuk memudahkan pelanggan membuat perbandingan dan mengambil keputusan yang sewajarnya.